

BAHAGIAN A
[20 MARKAH]

Soalan 1 hingga 3 berdasarkan soalan di bawah.

Isikan tempat kosong dengan perkataan yang sesuai.

1. "_____ telah menyertai misi sukarelawan membantu mangsa-mangsa banjir kilat," kata Safiah dan Rani.
A Mereka
B Aku
C Kami
D Dinda

2. Para peserta kawad kaki sedang melakukan _____ di hadapan pentas utama.
A tunjuk hormat
B lalu lintas
C tunjuk jalan
D lintas hormat

3. Adik-adiknya sedang bertungkus-lumus membersihkan rumah _____, Aini duduk-duduk sahaja.
A kecuali
B selagi
C atau
D manakala

4. Pokok nangka yang ditanam oleh datuk itu _____ kerana kekurangan baja.
A terkecil
B terkerdil
C terbantut
D terpendek

5. Berikan perkataan yang **seerti** dengan perkataan yang bergaris di bawah.

Adik Sulaiman sangat cerdik.

- A sombong
- B pandai
- C degil
- D rajin

6. Pilih perkataan **berlawan** dengan perkataan yang bergaris di bawah.

Nama anak bongsu saya ialah Rahman.

- A pinggir
- B hulu
- C muda
- D sulung

7. Pilih **kata hubung** yang sesuai bagi ayat di bawah.

Salimah membeli dua buah buku _____ tiga batang pensel.

- A dan
- B namun
- C hingga
- D walaupun

8. Pilih penjodoh bilangan yang sesuai bagi ayat di bawah.

Ibu mengasah _____ pisau.

- A sebuah
- B sebilah
- C seorang
- D sebatang

9. Pilih **peribahasa** yang sesuai bagi ayat di bawah.

Bapa lebih senang bekerja sendiri daripada bekerja _____ untuk menyara keluarga.

- A makan angin
- B makan tidur
- C makan gaji
- D makan curi

Soalan 10 berdasarkan gambar di bawah.



10. Rumah di _____ kolam itu sudah lama tidak didiami selepas Pak Dollah meninggal dunia.

- A sampang
- B tepi
- C atas
- D penjuru

11. Pilih peribahasa yang sama maksud dengan ayat di bawah.

“Orang yang malas membaca, cetek ilmunya”.

- A seperti rumput di tepi jalan
- B seperti rusa masuk kampung
- C seperti kera mendapat bunga
- D seperti katak di bawah tempurung

12. Pilih kata ganda yang sesuai bagi ayat di bawah.

Baju pengemis itu _____.

- A kusut-masai
- B kacau-bilau
- C kelam-kabut
- D compang-camping

13. Pilih ayat yang **betul**.

- A Tiket kapal terbang ke Sarawak bukan mahal sangat
- B Setengah pelancong ke Sarawak ialah pelancong barat.
- C Kebanyakan kraf tangan kaum Iban dibuat daripada manik.
- D Sila dapatkan maklumat pulau peranginan di Sarawak melalui agensi pelancongan.

14. Pilih ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul.

I Paru-paru kita dilindungi oleh tulang rangka yang kukuh.

II Kebanyakan rumah di kawasan itu tinggal rangka sahaja selepas dipukul ribut.

III Buatlah rangka karangan kamu dahulu sebelum mula mengarang.

IV Kami rangka akan tiba di kampung pada pukul 5.00 petang.

- A II dan III sahaja
- B III dan IV sahaja
- C I, II dan III sahaja
- D I, III dan IV sahaja

15. Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat di bawah.

"Kamu jangan memandai-mandai membaiki radio itu, nanti lebih teruk jadinya," kata ayah kepada abang.

- A Ayah berkata abang pandai membaiki radio yang rosak teruk itu.
- B Ayah memarahi abang kerana pandai membaiki radio yang rosak teruk itu.
- C Ayah melarang abang membaiki radio itu kerana bimbang radio itu akan rosak lebih teruk.
- D Ayah meminta abang menggunakan kepandaian saya untuk membaiki radio yang rosak teruk itu.

Soalan 16 hingga 20 berdasarkan puisi di bawah;

Baca puisi di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Lagenda Puteri Gunung Ledang

Ketika aku berdiri di pinggir pekan Sagil
kupandang ke arah Gunung Ledang
yang menyimpan kisah bersejarah
aku terkenangkan peristiwa lampau
Tun Mamat meminang Puteri Gunung Ledang
termengah-mengah ia mendaki
menempuh onak meredah belantara
demi memenuhi impian sang raja.
Pulanglah dan katakan kepada raja
binalah jambatan emas dan perak
merentangi dari sini ke istana Melaka
kumpulkan tujuh dulang hati nyamuk
kumpulkan air mata tujuh tempayan
serta semangkuk darah anaknya
sekiranya terpenuh semua yang kupinta
tertunailah hasrat raja
demikian kata puteri rupawan.
Beta bisa tunaikan semua

permintaan puteri
 meskipun habis harta negara
 biarpun sengsara rakyat jelata
 namun darah puteraku **tiada ternilai**
 daripada semua yang dipinta
 demikian bicara sang raja
 dan punahlah cinta raja
 di puncak gunung bersejarah.
 dan **kini engkau masih indah**
 engkau merakam kisah bersejarah
 lagenda cinta tak sudah.

16. Apakah kisah bersejarah yang dikaitkan dengan Gunung Ledang?
- A Kawasan Gunung Ledang di bawah takluk kerajaan Melaka.
 - B Gunung Ledang letaknya hampir dengan pekan Sagil.
 - C Peristiwa peminangan Puteri Gunung Ledang.
 - D Peristiwa lampau yang menarik.
17. Puteri Gunung Ledang sudi menjadi isteri raja Melaka sekiranya
- A semua syarat yang disebutkan dapat dipenuhi oleh raja Melaka.
 - B mendapat semangkuk darah anak raja Melaka.
 - C raja membina sebuah jambatan emas dan perak.
 - D rakyat Melaka bersedia memberikan apa-apa yang diminta puteri.
18. Sebab utama raja membatalkan niatnya itu ialah
- A tidak sanggup menyediakan darah puteranya.
 - B mengambil kira kesusahan rakyat jelata.
 - C setelah mendengar nasihat Tun Mamat.
 - D negeri Melaka tidak cukup kaya.

19. Frasa ***tiada ternilai*** dalam puisi di atas bermaksud
- A nilai darah anaknya tiada bandingan.
 - B darah anaknya tidak ada nilai.
 - C darah puteranya tidak bernilai.
 - D semangkuk darah anaknya ada nilai.
20. Maksud “... ***kini engkau masih indah***” dalam puisi itu merujuk kepada
- A kisah cinta yang indah itu.
 - B legenda cinta itu memang indah.
 - C kecantikan Puteri Gunung Ledang.
 - D Gunung Ledang itu masih tersergam indah.

BAHAGIAN B
[30 MARKAH]

Soalan 21

Garisi kata **adjektif** yang terdapat dalam ayat di bawah.

1. Anggota tentera itu sangat berani memerangi musuhnya di medan tempur.
2. Ahmad tidak mahu melalui lorong itu kerana terdapat seekor anjing garang yang kerap berkeliaran.
3. Ahli perniagaan itu memandu keretanya dengan berhati-hati kerana jalan raya di kampung itu bengkok-bengkok.
4. Padang itu tidak sesuai digunakan untuk acara padang dan balapan kerana tidak rata.

[4 Markah]

Soalan 22


- a. Tulis jawapan yang paling sesuai bagi ayat tanya yang diberikan.

Ayat Tanya : Di manakah letaknya Gunung Kinabalu ?

Jawapan :

[2 markah]

b.Lengkapkan dialog di bawah.



[2 markah]